

0867

U 8966 DEB  
MAHATHIR - RAKYAT

JOHOR BAHRU, 23 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU RAKYAT SUPAYA TIDAK TERPENGARUH DENGAN PERASAAN BENCI TERHADAP PEMIMPIN YANG CUBA DISEBARKAN OLEH SESETENGAH GOLONGAN DAN SEBALIKNYA MENUMPUKAN KEPADA PERKARA-PERKARA YANG LEBIH PENTING.

DALAM SATU PERJUMPAAN DENGAN MASYARAKAT MELAYU DI SINI, BELIAU MENEGASKAN TIGA PERKARA POKOK YANG PERLU DI BERI PERHATIAN, IAITU:

+ PERPADUAN ORANG MELAYU=

+ KERJASAMA ANTARA ORANG MELAYU DENGAN KAUM-KAUM YANG LAIN UNTUK MEMUJUKAN KEAMAMAN DI NEGARA INI= DAN

+ MENGUATKAN AZAM UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA TERUS MAJU DAN RAKYAT AKAN MENDAPAT SEGALA NIKMAT DAN KURNIAAN TUHAN KEPADA NEGARA INI.

MENGENAI PILIHAN RAYA KECIL PARLIMEN JOHOR BAHRU, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA PEMBANGUNAN DI BANDAR INI AKAN TERUS DIBERI PERHATIAN OLEH KERAJAAN PUSAT DAN NEGERI SEKIRANYA BARISAN NASIONAL MENGEKALKAN KERUSI PARLIMEN ITU.

+TAPI SAYA TIDAK BOLEH JAMIN BAHAWA KERAJAAN AKAN MEMBANTU DATUK SHAHRIR ABDUL SAMAD (CALON BEBAS) DAN RAZAK AHMAD (CALON PSRM) SEKIRANYA SALAH SEORANG DARIPADA MEREKA MENANG.+ -- LAGI.

1914MST 23 08 88

0868

U 8967 DEB  
MAHATHIR - RAKYAT 2 JOHOR BAHRU

DALAM UCAPANNYA ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR SEKALI LAGI MENJELASKAN KEDUDUKAN YANG SEBENAR BERTHUBUNG DENGAN KRITIK-KRITIK BEKAS TIMBALAN PRESIDEN UMNO DATUK MUSA HITAM TERHADAPNYA DAN MENYOROT KEMBALI PERISTIWA SEHINGGA UMNO DIISYTIHARKAN TIDAK SAH.

MENGENAI PERPADUAN ORANG MELAYU, BELIAU BERKATA WALAUPUN NEGARA TELAH MERDEKA TETAPI PERPADUAN ITU PERLU DIKEKALKAN KERANA +KITA MASIH BANGSA YANG LEMAH.+

+SEBAB ITU, KITA SETIAP MASA MENYERU SUPAYA DIPUPUK PERPADUAN DI KALANGAN ORANG MELAYU,+ KATANYA. +TETAPI SEDIHNYA ADA PERPECAHAN SEHINGGA TERTUBUHNYA PAS YANG PERNAH MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA KITA.+

+KINI PERPECAHAN ITU MELIBATKAN AMALAN AGAMA SEHINGGA MEREKA TIDAK ANGGAP ORANG ISLAM DI KALANGAN ORANG MELAYU SEAGAMA KERANA TIMBUL PERKARA-PERKARA SEPERTI DUA IMAM, DUA MASJID, DUA KUBUR DAN SEBAGAINYA.+

+SEPATUTNYA INI MENJADI PENGAJARAN KEPADA KITA SUPAYA JANGAN BERPECAH-BELAH (KERANA) IA MELEMAHKAN KITA.

+TETAPI MALANGNYA USAHA MEMECAH-BELAHKAN KITA MASIH BERTERUSAN,+ KATANYA Sambil MENAMBAH BAHAWA PERPECAHAN DALAM UMNO DISEBABKAN OLEH PEREBUTAN JAWATAN. -- LAGI.

1916MST 23 08 88

0869

U 8969 DEB  
MAHATHIR - RAKYAT 3 JOHOR BAHRU

MENGENAI DATUK SHAHRIR, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BEKAS MENTERI KABINET DAN BEKAS ANGGOTA PARLIMEN JOHOR BAHRU ITU PERNAH MENGHINA BELIAU (PERDANA MENTERI) KERANA MEMBUAT SATU TEGURAN MENGENAI KEADAAN SAMPAH-SARAP DI TAMBAK JOHOR BEBERAPA TAHUN LEPAS.

+DIA MARAH DAN KATA SAYA SENGAJA HENDAK MENGHINA DIA DENGAN MEMBUAT TEGURAN BERKENAAN DI KAWASAN (PARLIMEN) DIA,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK LANGSUNG BERNIAT UNTUK MENGHINA DATUK SHAHRIR, SEBALIKNYA LAWATANNYA KE KAWASAN KASTAM YANG DI BAWAH JAGAAN KEMENTERIAN KEWANGAN, IALAH KERANA HENDAK MELIHAT +PINTU MASUK KE MALAYSIA INI BERSIH DARIPADA SAMPAH-SARAP.+

MENGENAI DATUK SHAHRIR DIGUGURKAN SEBAGAI KETUA UMNO BAHAGIAN JOHOR BAHRU APABILA UMNO BARU DITUBUHKAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEPUTUSAN ITU DIBUAT KERANA BELIAU TIDAK BEKERJA KERAS DALAM PILIHAN RAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI TANJUNG PUTERI PADA MAC LEPAS.

TETAPI UMNO BERSEDIA MENERIMA BELIAU SEBAGAI ANGGOTA BIASA, KATANYA. -- BERNAMA.

1919MST 23 08 88